

24/01/2001

Pelancongan membangunkan pulau legenda

Wan Jailani Razak

TIDAK siapa dapat menafikan jika ada yang berkata: "Kehidupan di Langkawi hari ini jauh lebih baik berbanding 15 tahun lalu, sebelum kerajaan mengiktiraf pulau ini sebagai pulau bebas cukai."

Tanyalah warga tua di Langkawi. Mereka tentu masih ingat suatu ketika dulu pulau yang dikenali dengan legenda Mahsuri dan kaya dengan mitos silam itu hanya kawasan terpencil dan serba kekurangan.

Kuah ketika itu hanya pekan kecil dengan deretan kedai papan usang yang tidak memiliki keistimewaan untuk diperkatakan. Pendek kata, pulau itu dianggap sebagai penempatan masyarakat nelayan dan petani.

Ketika itu jika pegawai kerajaan ditukarkan ke Langkawi, ia seolah-olah dibuang daerah atau didenda kerana tidak menunjukkan prestasi baik dalam kerja.

Namun, hasil kebijaksanaan dan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Langkawi dimajukan sebagai destinasi pelancongan utama negara, ia kini jelas berubah. Langkawi menerima kunjungan pelawat dari segenap pelosok tanah air, dan seluruh dunia.

Tahun lalu, 1.5 juta pelawat ke Langkawi berbanding 1.2 juta pelawat pada 1998. Berdasarkan perkembangan positif itu, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) menganggarkan 1.8 juta orang melawat Langkawi sehingga akhir tahun ini.

Daripada 192,987 pelancong asing yang melawat Langkawi tahun lalu, rakyat Thailand paling ramai ke Langkawi iaitu 52,012 orang, diikuti Singapura (32,730), Australia, (20,168), United Kingdom (14,776), Taiwan (9,394), Jepun (9,367) Indonesia (7,133), Amerika Syarikat (4,157), Jerman (4,186), New Zealand (2,432) dan Kanada (1,572).

Pada masa singkat, Langkawi menjadi terkenal dan tempat kunjungan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pemimpin besar dunia. Langkawi tidak pernah sunyi daripada menerima lawatan kenamaan asing, sama ada secara rasmi atau tidak.

Hakikatnya, inilah hasil perancangan teliti kerajaan yang berjaya menukarkan imej Langkawi daripada penempatan nelayan dan petani kepada pulau pelancongan yang menarik dan unik.

Setiap dua tahun sekali, Langkawi menjadi fokus dunia kerana menjadi tuan rumah Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima). Kesan daripada semua pembangunan itu kini dinikmati penduduk Langkawi.

Tidak keterlaluan dikatakan pemilik tanah di pulau itu menjadi jutawan segera beberapa tahun lalu kerana harga tanah yang melambung secara mendadak berikutan permintaan tinggi daripada sektor korporat.

Hasil pembangunan pesat itu mengubah corak kehidupan penduduk. Kalau dulu penduduk hanya bekerja sebagai nelayan dan petani, kini pembangunan membuka ruang baru kepada mereka untuk meneroka sumber pendapatan baru yang dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

Tidak hairanlah jika ada sesetengah mereka begitu megah ketika memandu kereta mewah hasil rezeki yang diibaratkan datang bergolek.

Kerajaan dan penduduk di pulau itu memperolehi kira-kira RM768 juta pendapatan daripada sektor pelancongan pada 1998, berikutan kemasukan 1.2 juta pelancong. Ini memberi petunjuk jelas yang rakyat turut menikmati hasil pembangunan secara terancang.

Kedatangan pengunjung yang bertambah setiap tahun memberi peluang kepada penduduk untuk terbabit dalam sektor perniagaan dengan membuka gerai, kedai barangan cenderamata, pakaian, aksesori kenderaan, perniagaan hotel

dan chalet dan kereta sewa.

Pembangunan juga menjana peluang pekerjaan baru kepada anak muda dan penduduk dalam bidang perhotelan, bot penumpang dan pasar raya tanpa perlu mewarisi pekerjaan tradisional orang tua mereka sebagai petani dan nelayan.

Sukar untuk menghitung nikmat yang diperolehi penduduk Langkawi. Penduduk sudah mendapat pelbagai kemudahan awam termasuk hospital baru, lapangan terbang baru, laluan basikal dan taman rekreasi.

Dalam bidang pendidikan, penduduk Langkawi mendapat pelbagai kemudahan termasuk institusi pengajian tinggi swasta, Maktab Rendah Sains Mara, Sekolah Menengah Teknik dan tidak lama lagi, sebuah universiti iaitu Langkawi International Universiti of Tomorrow akan ditubuhkan.

Kerajaan juga menubuhkan Lada pada 1 April 1990 untuk menggiat, mempercepat dan melaksanakan pembangunan sosioekonomi di Kawasan Pembangunan Langkawi. Ia juga bertujuan menggalak dan memajukan Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai.

Lada berfungsi sebagai agensi utama di pulau itu untuk memperkasa pembangunan sosial, fizikal dan ekonomi. Pada masa sama, ia menjana pembangunan dan perencanaan yang berkaitan dan bersesuaian dengan sifat persekitaran landskap Langkawi yang unik serta bersejarah dengan mengambil kira taraf kehidupan penduduk tempatan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain pada pertemuan di Langkawi pernah memberi jaminan segala pembangunan yang dilakukan kerajaan semata-mata untuk kebaikan dan faedah rakyat.

"Tidak ada secebis niat kerajaan untuk menyusahkan, menganiaya atau menzalimi rakyat. Malangnya, ada sebilangan masyarakat khususnya pembangkang sengaja menidakkan fakta ini dan cuba mengelirukan rakyat dengan melemparkan fitnah konon kerajaan dan pemimpin kita menzalimi rakyat.

"Insyallah segala tuduhan itu dusta kerana kerajaan sentiasa berlaku adil," katanya.

Buktinya, kata beliau, walaupun kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang seolah-olah memberi keistimewaan kepada kaum Melayu, ia tidak menimbulkan kemarahan kaum lain kerana dasar itu dilaksanakan secara adil dan untuk memberi keadilan kepada Bumiputera yang masih ketinggalan berbanding kaum lain ketika itu.

Justeru, sokongan sektor swasta diperlu bagi menjayakan rancangan kerajaan dan berharap kewujudan lebih banyak projek pembangunan akan menambah daya tarikan ke pulau pelancongan ini.

Walau segigih mana pun kerajaan berusaha mempromosi Langkawi sebagai pulau pelancongan terkemuka, ia tidak akan mencapai kejayaan maksimum jika sektor swasta tidak ikut serta menjayakannya.

Reputasi Langkawi terletak kepada kualiti infrastruktur dan perkhidmatan di situ. Kerajaan sudah berusaha sedaya upaya memajukan Langkawi, namun usaha yang mampu dilaksanakan oleh kerajaan juga ada batasnya.

Apa juga resipi pembangunan yang dilaksanakan di Langkawi, ia tetap penting dan turut memberi sumbangan kepada kemajuan di kawasan utara Semenanjung khususnya dalam rangka Segitiga Pembangunan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Tidak syak lagi, pembangunan di Langkawi sebahagian komponen penting dalam rangka pembangunan IMT-GT kerana kedudukannya berhampiran kedua-dua negara jiran.

(END)